

Hadiah Perniagaan daripada Pembekal

Pengenalan

UTC membeli bekalan dan perkhidmatan atas dasar merit, berusaha mendapatkan nilai terbaik dan hubungan perniagaan yang mantap dengan pembekal. Memberi hadiah perniagaan adalah perkara biasa dan mungkin hanya merupakan keinginan untuk membina rasa muhibah. Walau bagaimanapun, UTC mempunyai dasar terhad berhubung dengan penerimaan hadiah perniagaan oleh pekerja yang mempunyai tanggungjawab pembelian langsung. Keputusan pembelian mestilah tidak dipengaruhi oleh konflik kepentingan dan mestilah tidak dicemari sekalipun oleh penampakan konflik kepentingan.

Pencabulan dasar UTC tentang hadiah perniagaan dipandang berat – hadiah perniagaan yang bertujuan untuk membina rasa muhibah sebaliknya boleh menyebabkan pekerja UTC dibuang kerja dan pembekal dikeluarkan daripada senarai sumber yang diluluskan UTC. Halaman berikut bertujuan untuk memberi anda panduan sebagai pembekal atau bakal pembekal kepada UTC (termasuk subsidiari dan syarikat gabungan; bagi rujukan mudah, halaman ini menggunakan “UTC” secara menyeluruh).

Peraturan Am UTC tentang Hadiah Perniagaan

Pekerja UTC tidak boleh meminta apa-apa hadiah, hiburan, atau gratuiti lain.

Pekerja UTC tidak boleh menerima hadiah, hiburan, atau gratuiti lain daripada sesiapa yang berusaha mendapatkan kontrak dengan atau pembelian oleh UTC (dalam apa sahaja bentuk termasuk pesanan belian atau pembelian menggunakan kad kredit), selain daripada tanda budi bahasa perniagaan lazim yang munasabah dari segi kekerapan dan nilai.

Pekerja UTC yang mempunyai tanggungjawab pembelian langsung, termasuk pekerja dalam jabatan pembelian dan pekerja yang juga dilantik untuk menjalankan fungsi pembelian, boleh menerima hanya (a) minuman, snek ringan dan makanan perniagaan yang dihidangkan semasa pertemuan perniagaan yang diadakan di kemudahan pembekal, (b) hidangan perniagaan apabila dalam status perjalanan, (c) barangan promosi atau pengiklanan yang mempunyai nilai yang benar-benar nominal, seperti topi atau pad tulis, dan (d) apa-apa hadiah perniagaan atau barang bernilai lain jika dilaporkan kepada dan diluluskan secara bertulis oleh Pegawai Amalan Perniagaan/Pematuhan unit operasi ataupun oleh Naib Presiden, Amalan Perniagaan, UTC.

Peraturan ini bertujuan untuk mengehadkan. Selain daripada peraturan “huruf hitam” ini, pembekal mesti mengelakkan daripada menawarkan atau memberi hadiah perniagaan kepada mana-mana pekerja UTC yang boleh kelihatan salah. Sekiranya anda mempunyai soalan berkenaan dasar UTC tentang hadiah, hubungi Naib Presiden, Amalan Perniagaan, UTC di talian (860) 728-6484.

Apakah Definisi UTC bagi “Hadiah Perniagaan”?

“Hadiah perniagaan” ialah apa-apa yang bernilai yang diberikan ekoran hubungan perniagaan, di mana pihak penerima tidak membayar nilai pasaran yang adil. Hadiah perniagaan boleh didapati dalam apa-apa bentuk – misalnya, makan malam di restoran atau kelab, tiket ke teater, diskaun yang tidak boleh didapati oleh orang ramai, atau objek seni.

Siapakah “pembekal”?

Perkataan “pembekal” bertujuan secara meluas merangkumi sesiapa yang mempunyai kontrak, pesanan belian, kontrak perkhidmatan, ataupun perjanjian atau pengaturan lain bagi pembelian oleh UTC (termasuk pembelian menggunakan kad kredit). “Bakal pembekal” ialah, sudah tentunya, sesiapa yang cuba mendapatkan perniagaan daripada UTC.

Bagaimanakah saya tahu pekerja UTC yang mana mempunyai “tanggungjawab pembelian langsung”?

Pekerja yang mempunyai “tanggungjawab pembelian langsung” termasuk kesemua pekerja dalam jabatan pembelian, seperti pembeli. Ia juga termasuk pekerja lain yang dilantik oleh unit operasi. Pelantikan tambahan boleh termasuk, misalnya, pekerja yang menjadi wakil jaminan mutu pembekal, pekerja yang bertanggungjawab bagi pemilihan sumber, atau pekerja yang dibenarkan untuk membuat pembelian menggunakan kad kredit. Pegawai Amalan Perniagaan/Pematuhan unit operasi mempunyai senarai pekerja yang dilantik. Sekiranya anda mempunyai soalan, hubungi Pegawai Amalan Perniagaan/Pematuhan unit operasi atau Naib Presiden, Amalan Perniagaan, UTC di talian (860) 728-6484.

Hadiah kepada Ahli Keluarga Pekerja UTC

UTC menganggap hadiah kepada pasangan atau ahli keluarga yang lain sebagai hadiah perniagaan sekiranya ia didorong oleh atau berkaitan dengan hubungan perniagaan. Hadiah sedemikian tertakluk kepada dasar UTC dalam cara yang sama sebagaimana hadiah perniagaan yang lain.

Persahabatan Peribadi atau Hubungan Keluarga

UTC mengakui bahawa hadiah boleh didorong oleh persahabatan peribadi atau hubungan keluarga, lebih daripada perniagaan. Seseengah hadiah ternyata adalah hadiah perniagaan – apa-apa hadiah yang ditolak bagi tujuan cukai ataupun yang dibayar atau dibayar balik oleh entiti perniagaan jelas adalah hadiah perniagaan. Seseengah hadiah jelas didorong oleh hubungan keluarga – hadiah perkahwinan dengan nilai yang berpatutan kepada seorang kakak atau ahli keluarga terdekat yang lain sudah tentu wajar. Namun, menilai dorongan dan ciri “persahabatan” dalam keadaan yang lain adalah sukar dan tidak menyelesaikan semua yang terlibat. Oleh kerana “apa yang kelihatan pada mata umum” adalah penting dan oleh kerana kesesuaian sesuatu hadiah akan dinilai dengan manfaat pengalaman yang lalu, UTC menggesa perasaan terkawal dalam pemberian semua hadiah dan dengan tegas tidak menggalakkan semua hadiah atas dasar persahabatan peribadi.

Hadiah Semasa Musim Percutian

Walaupun musim percutian merupakan masa tradisional bagi pertukaran hadiah, tidak ada pengecualian dalam dasar UTC yang akan membenarkan penerimaan hadiah. UTC menggalakkan pertukaran kad percutian tetapi ia menentang apa-apa jenis hadiah percutian kepada mana-mana pekerja daripada pembekal. Sekiranya hadiah percutian diterima daripada pembekal, UTC secara rutin memulangkan hadiah itu atau mendermakannya kepada badan amal.

Implikasi Kontrak Kerajaan

Entiti UTC mempunyai banyak kontrak langsung dan tidak langsung dengan Kerajaan Amerika Syarikat. Selain daripada dasar UTC, sesuatu bayaran, hadiah, atau barang bernilai yang lain daripada subkontraktor, vendor, atau pembekal kepada kontraktor kerajaan pada peringkat yang lebih tinggi, apabila diberikan bagi tujuan mendapatkan atau memberikan ganjaran atas layanan istimewa secara tidak wajar (“sogokan”) adalah pencabulan jenayah. Di bawah terma dan syarat pembelian UTC yang standard, pembekal membayar ganti rugi kepada UTC bagi kesemua kos dan mana-mana kehilangan lain yang dialami akibat sogokan. Pembekal (atau bakal pembekal) mempunyai keupayaan muktamad untuk menghentikan sogokan, termasuk sogokan yang diminta. Ganti rugi ini bertujuan untuk memperkukuh mesej, dengan jelas, bahawa sogokan tidak akan diterima dan untuk menggalakkan anda memaklumkan kepada UTC sekiranya pekerja UTC meminta sogokan.

Bantuan bagi Pembekal sekiranya Pekerja UTC Meminta Wang atau Hadiah

UTC melarang pekerjaanya daripada meminta hadiah dari mana-mana pembekal atau bakal pembekal. Sekiranya pekerja UTC meminta wang atau apa-apa hadiah lain, hubungi Ombudsman UTC di talian (800) 843-8595. Jangan bersetuju, jangan tersilap membuat kesimpulan bahawa ia adalah rutin dan boleh diterima.

Anda akan dianggap bertanggungjawab, dan akibatnya mungkin buruk.

United Technologies Corporation
United Technologies Building
Hartford, CT 06101